

20/04/2002

Kumpulan B MCA setuju batal EGM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kumpulan B dalam MCA, yang diketuai Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek, hari ini bersetuju membatalkan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) parti itu yang sebelum ini mencetuskan kontroversi kerana dikatakan tidak sah.

Bagaimanapun, pembatalan EGM itu tidak meredakan pergolakan yang sudah berlarutan sejak lebih dua tahun lalu kerana Kumpulan B dan Kumpulan A yang diketuai Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, masih bercanggah pendapat berhubung isu pemilihan kepemimpinan parti itu.

Lim dalam sidang akhbarinya tengah hari ini, berkata pihaknya bersetuju menerima formula penyelesaian yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, termasuk membatalkan EGM yang sepatutnya diadakan Ahad ini.

Beliau bagaimanapun berkata, mesyuarat agung MCA pada semua peringkat, termasuk bahagian, negeri dan pusat, boleh diteruskan tetapi tanpa pemilihan.

Lim berkata pihaknya sudah menandatangani memorandum berhubung penyelesaian pergolakan itu semalam.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, yang mewakili Kumpulan A berkata, pihaknya tidak tahu menahu mengenai penyelesaian itu.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA sebaliknya menegaskan, pemilihan parti pada semua peringkat tetap akan diteruskan.

Dr Ting berkata, hanya Jawatankuasa Pusat (CC) parti boleh menentukan sama ada pemilihan itu perlu dibatalkan atau ditangguhkan.

"Saya hairan kenapa Kumpulan B membuat pengumuman sedemikian tanpa berunding dalam mesyuarat CC parti terlebih dulu.

"Tiada sesiapa boleh membuat keputusan seperti itu. Pengumuman itu sebenarnya mengelirukan ahli MCA di seluruh negara dan sekarang saya terpaksa membuat penjelasan seperti ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Wisma MCA di sini, petang ini.

Beliau juga mengulangi bahawa EGM yang kononnya dibatalkan Kumpulan B, sebenarnya sejak awal lagi tidak sah mengikut Perlembagaan MCA.

"EGM itu tidak boleh disamakan dengan pemilihan parti kerana ia adalah tidak sah mengikut Perlembagaan MCA. Jadi soal sama ada EGM itu dibatalkan atau sebaliknya, tidak wujud," katanya.

Dr Ting berkata, penamaan calon bagi pemilihan parti pada peringkat bahagian akan diteruskan seperti dijadualkan pada 22 April ini.

Beliau berkata, keputusan untuk mengubah sebarang jadual pemilihan parti hanya boleh dilakukan melalui mesyuarat CC.

Lim sebelum itu, mendakwa pihaknya menerima nasihat dan formula penyelesaian yang dicadangkan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Antara lain, katanya, nasihat itu membabitkan pembatalan EGM dan penangguhan pemilihan MCA pada peringkat bahagian, negeri dan kebangsaan.

Lim berkata, nasihat Perdana Menteri yang berasaskan keadilan dan kesaksamaan bagi semua pihak menjadi teras kepada penyelesaian pergolakan dalam parti itu.

Katanya, Dr Mahathir mahukan MCA bersatu padu bagi memastikan BN mencapai kejayaan pada pilihan raya umum akan datang.

"Berhubung pergolakan dalam MCA, Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN dengan ikhlas memberi nasihat kepada kedua-dua pihak dan nasihat beliau

dijadikan teras untuk mencari jalan penyelesaian kepada pergolakan dalam parti.

"Dengan adanya jalan penyelesaian ini, MCA akan bertambah kukuh dan utuh untuk menghadapi cabaran masa depan," katanya yang membaca kenyataan dua perenggan pada sidang akhbar itu, yang turut dihadiri sembilan pemimpin lain termasuk dua Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy.

Lim, bagaimanapun enggan memberi butiran mengenai penyelesaian konflik itu apabila disoal wartawan. Beliau sekadar menyatakan penyelesaian sudah dicapai seperti yang dinyatakan dalam kenyataan dua perenggan itu.

"Kami sudah bersetuju dan menerima nasihat Perdana Menteri...ini adalah apa yang Perdana Menteri nasihatkan dan inilah apa yang kami sedang lakukan... kami mahu menyatukan MCA supaya mencapai harapan PM," katanya sambil menambah segala persoalan itu perlu diajukan kepada Dr Mahathir.

Ditanya apakah Dr Ling turut bersetuju dengan formula penyelesaian itu, Lim berkata beliau tidak boleh bercakap bagi pihak Dr Ling.

Bagaimanapun, beliau memetik laporan akhbar The New Straits Times bertarikh 14 April yang menyatakan Dr Ling menerima formula agenda keamanan dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri dan berjanji akan berusaha keras untuk mengekalkannya.

"Apa yang penting ialah sekarang untuk mencapai perpaduan, seperti yang saya katakan Perdana Menteri memberitahu kedua kumpulan.

"Mulai sekarang sepatutnya tidak wujud lagi kumpulan A atau Kumpulan B, ...kami benar-benar mahu mencapai perpaduan seperti yang dinasihatkan Perdana Menteri. Biarlah kita bersatu dan berusaha bersama untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya," katanya.

Mengenai pertemuan beliau dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, Lim berkata:

"Kami berbincang banyak perkara, apa yang dinyatakan hari ini cukup untuk memberitahu ahli parti bahawa kami sudah menyelesaikan isu ini."

(END)